

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
(DEWAN RAKYAT)

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN**
[ROMPIN]
TARIKH : **22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pengeluaran biodiesel bagi tahun 2019, 2020, dan sehingga 2021. Apakah inisiatif Kementerian untuk menggalakkan penggunaan biodiesel dalam negara dan nyatakan jumlah eksport biodiesel negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2019, pengeluaran biodiesel sawit adalah sebanyak 1.42 juta tan. Nilai eksport biodiesel sawit bagi tahun tersebut adalah sebanyak 610 ribu tan atau RM1.60 bilion.

Bagi tahun 2020, pengeluaran biodiesel sawit adalah sebanyak 906 ribu tan. Nilai eksport biodiesel sawit bagi tahun tersebut adalah sebanyak 379 ribu tan atau RM1.35 bilion.

Bagi tempoh Januari sehingga September 2021 pula, pengeluaran biodiesel sawit adalah sebanyak 691 ribu tan. Nilai eksport biodiesel sawit bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 273 ribu tan atau RM1.37 bilion.

Antara inisiatif Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) untuk menggalakkan penggunaan biodiesel dalam negara adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 9

- a) melaksanakan Program Biodiesel B7¹ untuk sektor industri secara mandatori di seluruh Malaysia bermula 1 Julai 2019;
- b) melaksanakan Program Biodiesel B10² untuk sektor pengangkutan secara mandatori di seluruh Malaysia bermula 1 Februari 2019;
- c) melaksanakan Program Biodiesel B20³ untuk sektor pengangkutan secara berfasa di Langkawi, Labuan dan Sarawak masing-masing pada 1 Januari 2020, 15 Januari 2020 dan 1 September 2020. Program ini seterusnya akan diperluas ke Sabah dan Semenanjung;
- d) menggiatkan usaha-usaha kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta dalam melaksanakan ujian lapangan dan program penggunaan adunan biodiesel lebih tinggi; dan
- e) meningkatkan program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam bagi membina sokongan pengguna terhadap biodiesel sebagai sumber tenaga alternatif.

Sekian, terima kasih.

¹ B7 – Adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum

² B10 – Adunan 10% biodiesel sawit dengan 90% diesel petroleum

³ B20 – Adunan 20% biodiesel sawit dengan 80% diesel petroleum